

1. Prasyarat Yang Perlu Dipenuhi Sebelum Pengeluaran Kemudahan

Kemudahan ini ditawarkan oleh Bank tertakluk kepada penunaian prasyarat-prasyarat berikut:

- (a) Bank menerima Surat Tawaran yang dipersetujui daripada Pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan bagi penerimaan atau dalam jangka masa yang dilanjutkan seperti mana diperkenankan oleh Bank berserta dengan dokumen-dokumen yang dikehendaki menurut Fasal 1 (b) atau 1(c), mana-mana yang berkenaan;
- (b) Sekiranya Pelanggan dan/atau mana-mana pihak penyedia cagaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan, atas obligasi dan liabiliti Pelanggan ("**Pihak-pihak Cagaran**") adalah syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, Bank menerima daripada Pelanggan dan Pihak Cagaran:
 - (i) Resolusi Lembaga Pengarah masing-masing dan apa-apa kelulusan lain selaras dengan Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan dan/atau Perlembagaan yang membenarkan mereka:
 - (1) Penerimaan Kemudahan, membuka akaun dan/atau penciptaan cagaran;
 - (2) menanggung liabiliti menurut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran; dan
 - (3) menyediakan senarai individu yang dilantik sebagai penandatanganan berautoriti berkaitan dengan penerimaan dan pengendalian Kemudahan Kemudahan serta pengendalian akaunnya dan/atau penciptaan cagaran berserta dengan tandatangan contoh mereka (jika berkenaan)
 - (ii) jika berkenaan, salinan disahkan benar bagi sijil penubuhan terkini masing-masing, Memorandum dan Tataurusan Persatuan dan/atau Perlembagaan masing-masing, Borang 24, 44 dan 49 (atau borang-borang terkini yang ditetapkan menurut Akta Syarikat 2016).
- (c) Sekiranya Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran tidak diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016, penerimaan sijil penubuhan atau pengenalan dan mandat dalam bentuk sepertimana dikehendaki Bank berdasarkan kes mengikut kes.
- (d) Pelanggan mestilah (jika belum lagi berbuat demikian) membuka dan menyelenggara dengan Bank suatu Akaun Semasa-i atau apa-apa akaun lain yang boleh diterima oleh Bank atau bagi Pelanggan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS), suatu Akaun Semasa-i HLB Prime Biz dalam mata wang yang sama seperti Kemudahan. Pelanggan mestilah melaksanakan Arahan Tetap Tak Boleh Batal dan/atau Surat Kebenaran (mana-mana yang berkenaan) yang membenarkan Bank mendebit akaun semasanya bagi menunaikan obligasi Pelanggan yang tertunda dan perlu dibayar menerusi Pindahan Dana Automatik Bank (AFT).
- (e) Pelaksanaan dan penyeteman dokumen-dokumen cagaran, pendaftaran cagaran di pejabat-pejabat berkenaan atau apa-apa pejabat pendaftar lain sepertimana

dinasihatkan oleh Bank.

- (f) Tidak berlaku atau sedang berlaku kejadian keingkaran yang bakal menyebabkan Kemudahan itu serta-merta dilunaskan.
- (g) Tidak berlaku keadaan luar biasa atau perubahan undang-undang atau apa-apa tindakan kerajaan yang lain sehingga menyalahi undang-undang jika Bank memberi atau berterusan memberi Kemudahan itu atau sehingga menyebabkan Pelanggan tidak mungkin dapat mematuhi atau menunaikan obligasinya dinyatakan dalam Kemudahan itu.
- (h) Pembayaran segala fi, kos dan caj (termasuk fi Kemudahan, duti setem, fi dan caj guaman dan profesional yang lain) sepertimana ditetapkan dalam Surat Tawaran (jika ada) dan sebagaimana dikehendaki menurut Kemudahan dan Bank berhak mendebit akaun anda dengan Bank sebagai bayaran yang sama atau potongan yang sama daripada amaun Kemudahan itu.
- (i) Bank menerima apa-apa dokumen lain, pendapat, sijil, kebenaran atau jaminan yang semunasabahnya diminta oleh Bank.
- (j) Pada pendapat Bank, premis tempat dimana perniagaan anda dijalankan adalah sesuai dengan jenis perniagaan anda serta mematuhi kehendak Syariah.
- (k) Melengkapkan segala dokumentasi undang-undang yang dikehendaki.
- (l) Apa-apa syarat lain seperti yang dinasihatkan oleh peguamcara Bank dan/atau dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa setelah terlebih dahulu memberi notis bertulis kepada Pelanggan.

2. **Perubahan Kadar Keuntungan**

Kadar Keuntungan Efektif (“EPR”) adalah tertakluk kepada minimum sebanyak 1.70% setahun.

Tanpa mengira terma-terma lain bagi Kemudahan ini, EPR yang dikenakan oleh Bank hendaklah tidak kurang daripada 0.0% setahun pada bila-bila masa dan Bank berhak mengguna pakai Kos Dana Islam (“ICOF”) sebagai Kadar Rujukan.

ICOF ditakrif sebagai kos kepada Bank untuk membiayai Kemudahan daripada sumber-sumber yang Bank pilih menurut budi bicaranya untuk tempoh keuntungan kontrak berkenaan yang dilaras sewajarnya bagi kos mengekalkan rizab berkanun dan mematuhi syarat kecairan dan syarat lain yang dikenakan dari semasa ke semasa sama ada peringkat dalaman atau luaran oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa sesuai yang lain yang mempunyai bidang kuasa atas Bank dari semasa ke semasa.

Notis perubahan Kadar Pembiayaan Islam (“IFR”) boleh diberi dengan cara meletak dalam satu atau lebih isu terbitan akhbar kebangsaan harian suatu notis am yang ditujukan kepada orang ramai secara umum atau menyiarkan suatu notis perubahan tersebut di mana-mana premis cawangan Bank, dan tarikh kuat kuasa perubahan itu ialah

21 hari dari tarikh iklan atau notis itu.

3. Kaedah Pembiayaan

- (a) Selaras dengan konsep Syariah iaitu susunan **Tawarruq** dan menurut tatacara pembiayaan Islam Bank, setelah Bank menerima permohonan pembayaran daripada Pelanggan (jika berkenaan) untuk memanfaatkan Kemudahan itu atau sebahagian daripadanya dan menurut Aku Janji Pembelian yang dinyatakan di dalam ini, maka Bank atas sifatnya sendiri akan membeli komoditi daripada pedagang komoditi yang menyediakan transaksi Tawarruq dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau mana-mana bursa lain yang boleh diterima oleh Bank, pada harga kos komoditi itu dibayar secara tunai iaitu pada amaun sehingga jumlah agregat tidak melebihi had Kemudahan, yang merupakan kos Bank membeli komoditi itu ("**Harga Pembelian Komoditi**").;
- (b) Setelah Bank membeli komoditi daripada pembekal komoditi, Bank kemudiannya akan menjual komoditi itu kepada Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan pada harga jualan komoditi yang meliputi Harga Belian Komoditi dicampur jumlah keuntungan dipersetujui Bank ("**Harga Jualan Komoditi**") yang dibuktikan dengan sijil jualan elektronik ("**Sijil Jualan Elektronik**"), menurut terma dan syarat Surat Tawaran atau seperti mana ditetapkan oleh Bank dengan syarat Pelanggan diberi notis bertulis terlebih dahulu, yang akan dibayar oleh Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan kepada Bank secara bayaran tertunda.
- (c) Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan boleh menerima hantaran komoditi itu atas kos dan perbelanjaan sendiri jika ingin atau kemudiannya Bank sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan, sesuai dengan Pelantikan Ejen yang dinyatakan di dalam ini, akan menjual komoditi kepada mana-mana pihak ketiga pada harga dipersetujui setara dengan Harga Belian Komoditi secara bayaran tunai, yang mana hasil jualannya akan dibayar kepada Pelanggan ke akaun Pelanggan dengan Bank atau mengikut cara yang dipersetujui antara kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa selaras dengan terma dan syarat di dalam ini.
- (d) Melainkan dipersetujui sebaliknya antara pihak-pihak, Bank akan, atas permintaan Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan, mengizinkan Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan untuk mengambil pemilikan komoditi itu atau menghantar komoditi itu mengikut arahan Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan atas kos Pelanggan sendiri atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan.

4. Komoditi

Apa-apa barangan dan/atau komoditi patuh Syariah yang boleh diterima oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada, komoditi yang boleh diniagakan di bawah platform dagangan komoditi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau apa-apa platform lain yang boleh diterima oleh Bank ("**Komoditi**") yang akan diurusniagakan

sebagai aset pendasar untuk mempermudah transaksi Tawarruq.

5. **Aku Janji Belian**

- (a) Apabila Pelanggan memohon penggunaan dan sebagai balasan Bank menyediakan Kemudahan itu, Pelanggan memberi keizinan yang tak boleh ditarik balik dan beraku janji akan membeli Komoditi daripada Bank pada Harga Jualan Komoditi dengan cara yang ditentukan melalui notis bertulis oleh Bank kepada Pelanggan.
- (b) Komoditi itu akan dijual kepada Pelanggan atas dasar “sebagaimana ada” tanpa apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengannya dan setelah Sijil Jualan Elektronik dikeluarkan, segala risiko akan beralih kepada Pelanggan dan kecuali bagi kerosakan yang berbangkit secara langsung daripada kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau pihak Bank, maka Bank akan bebas daripada sebarang liabiliti, tanggungjawab atau obligasi berkaitan dengan Komoditi itu dalam apa jua bentuk atau cara sekalipun.
- (c) Apa-apa cacat cela atau tiada hantaran atau apa jua pertikaian berkaitan dengan Komoditi sama sekali tidak akan menjejaskan atau melepaskan Pelanggan daripada obligasi atau aku janji yang dinyatakan di bawah ini, atau di bawah Surat Tawaran dan Sijil Jualan Elektronik.
- (d) Bank sama sekali tidak berkewajipan untuk membeli Komoditi melainkan dan selagi syarat-syarat (“**Prasyarat**”) yang tertera dalam Surat Tawaran dipenuhi sewajarnya sebagaimana diingini Bank. Selagi belum dipenuhi segala Prasyarat yang tersebut di dalam ini sebagaimana diingini Bank, maka Bank boleh dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan, menahan bayaran bagi Harga Belian Komoditi itu.
- (e) Bank tidak wajib sama sekali untuk setuju terima apa-apa permohonan pembayaran lain daripada Pelanggan untuk membeli Komoditi itu selagi Pelanggan belum membuat bayaran penuh bagi Komoditi itu pada Harga Jualan Komoditi dan selaras dengan terma dan syarat Surat Tawaran dan/atau menurut apa-apa cara atau terma lain sebagaimana ditentukan oleh Bank setelah memberi notis awal bertulis kepada Pelanggan.
- (f) Aku Janji Belian ini tidak boleh dibatalkan (kecuali dengan keizinan bertulis Bank) dan mengikat Pelanggan dan pengganti-pengganti hak milik, penerima serah hak berautoriti dan wakil-wakil peribadi.
- (g) Pelanggan bersetuju dan beraku janji akan membayar balik dan membayar Bank setelah Bank membuat tuntutan bertulis, apa-apa perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan apa-apa kecacatan, malfungsi dan/atau kekurangan kualiti boleh niaga Komoditi atau kurang sesuai penggunaan Komoditi itu atau atas apa jua sebab lain bersabit dengan Aku Janji Belian ini termasuk terhadap apa-apa kerugian dalam apa cara sekalipun yang mungkin ditanggung oleh Bank kerana setuju ikut serta dalam susunan Tawarruq kecuali dan melainkan jika hal itu berpunca daripada kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau pihak Bank atau ejen-ejenya.

6. Pelantikan Sebagai Ejen

- (a) Pelanggan dengan ini melantik Bank, tanpa boleh dibatalkan dan tanpa syarat, untuk menjadi ejennya yang tidak didedahkan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti tertera di bawah:
- (i) membeli Komoditi daripada Bank (atas kapasitinya sebagai penjual) atas terma bayaran tertunda pada Harga Jualan Komoditi menurut cara dan terma sebagaimana ditentukan oleh Bank setelah memberi notis bertulis kepada Pelanggan terlebih dahulu;
 - (ii) mengambil milik Komoditi (secara fizikal atau konstruktif);
 - (iii) atas permintaan Pelanggan, membolehkan Pelanggan mengambil milik Komoditi dengan kos dan perbelanjaan Pelanggan sendiri tertakluk kepada syarat iaitu Bank belum lagi menjual Komoditi itu bagi pihak Pelanggan kepada mana-mana pihak ketiga;
 - (iv) menjual Komoditi kepada mana-mana pembeli komoditi pihak ketiga atas budi bicara Bank, setelah memberi notis bertulis kepada Pelanggan, bagi pihak Pelanggan pada harga setara dengan Harga Belian Komoditi;
 - (v) menerima hasil jualan bagi pihak Pelanggan daripada pembeli pihak ketiga Komoditi, memegang hasil jualan secara amanah bagi Pelanggan dan meremit hasil jualan atau apa-apa bahagiannya kepada Pelanggan ke dalam akaun Pelanggan dengan Bank atau menurut cara yang dipersetujui bersama antara Pelanggan dengan Bank;
 - (vi) menyerahkan milikan dan hak milik Komoditi kepada pembeli pihak ketiga Komoditi; dan
 - (vii) menjalankan segala tindakan berkait dengan perkara di atas termasuk tetapi tidak akan terhad kepada penyempurnaan Sijil Jualan Elektronik atau apa-apa dokumen atau instrumen yang bersangkutan dengannya, penyerahan, pemilikan dan penyimpanan Komoditi menurut apa-apa cara yang dianggap wajar oleh Bank.
- (b) Pelanggan akan mengiktiraf bahawa Bank sebagai ejennya yang tidak didedahkan akan pada setiap masa:
- (i) dibenarkan untuk menandatangani dan menyempurnakan segala dokumen dan menjalankan segala tindakan serta mematuhi dan melaksanakan obligasi yang dikehendaki bersabit dengan pelantikannya sebagai ejen Pelanggan, atau dikenakan di bawah apa-apa transaksi jualan Komoditi kepada pembeli pihak ketiga; dan
 - (ii) dibenarkan untuk mewakilkan hak dan tugasnya sebagai ejen kepada mana-mana pihak ketiga bagi menjalankan segala tindakan yang dikehendaki untuk menyempurnakan transaksi yang dikehendaki; dan

- (iii) dikehendaki melakukan segala tugas pentadbiran berkenaan pemegangan dan penjualan Komoditi serta juga perlindungan takaful baginya jika berkenaan.
- (c) Tanpa mengesampingkan apa-apa jualan atau oleh Bank sebagai ejen Pelanggan dan/atau apa-apa kecacatan dan/atau tiada hantaran dan/atau apa-apa pertikaian berkait dengan Komoditi yang Pelanggan alami dengan pembeli pihak ketiga berikutan jualan oleh Bank sebagai ejen bagi pihak Pelanggan selepas Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank tetapi sebelum melunaskan Harga Jualan Komoditi dengan penuh dan keterhutangan yang terwujud menurut Sijil Jualan Elektronik tersebut, namun hal itu sama sekali tidak akan menjejaskan atau melepaskan Pelanggan daripada obligasi sebagaimana tercatat dalam Sijil Jualan Elektronik dan dalam Surat-surat Tawaran.
- (d) Pelanggan akan terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang dibuat oleh Bank bagi pihaknya dengan mana-mana pihak ketiga berikutan pelantikan Bank sebagai ejen.
- (e) Pelanggan tidak menganggap pelantikan Bank sebagai ejen untuk mewujudkan suatu perkongsian atau suatu usaha bersama, begitu juga bukan untuk membentuk suatu pertalian prinsipal atau ejen dalam apa jua pertalian lain antara Pelanggan dengan Bank.
- (f) Pelantikan ini akan terhenti serta-merta sebaik sahaja Kemudahan itu luput tempoh atau tamat.
- (g) Pelanggan dengan ini bersetuju dan beraku janji untuk membayar ganti dan membayar Bank apabila Bank membuat tuntutan bertulis, sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami Bank kerana melaksanakan fungsi ejen Bank sepertimana dibentangkan di atas melainkan kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan itu disebabkan oleh kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau pihak Bank atau ejen-ejenjnya.

7. Skim Bayaran bagi Harga Jualan Komoditi

Bayaran pertama akan bermula pada 1 haribulan bulan kalendar berikut selepas pelepasan pertama Amaun Kemudahan. Bayaran seterusnya akan dibuat pada 1 haribulan setiap bulan menyusul sehinggalah Kemudahan diselesaikan sepenuhnya.

Akan tetapi Bank boleh, setelah terlebih dahulu memberi notis bertulis kepada Pelanggan, melaraskan amaun bayaran yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan apabila berlaku perubahan EPR disebabkan turun naik IFR, asalkan sahaja bayaran agregat yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan tidak akan melebihi Harga Jualan Komoditi.

Tanpa mengira cara amaun pembayaran yang dinyatakan di atas ini, apa-apa amaun yang perlu dibayar hendaklah diselesaikan sepenuhnya pada akhir Tempoh Kemudahan itu.

Jika dan apabila EPR berubah akibat perubahan IFR dan bilangan hari sebenar dalam sebulan, maka amaun bayaran anda yang terakhir mungkin berubah untuk menyelesaikan baki pokok belum dijelaskan; dan keuntungan dibilkan untuk menyelesaikan pembiayaan dengan sepenuhnya.

8. Penggunaan Kemudahan

Penggunaan Kemudahan atau apa-apa bahagiannya mestilah dibuat dalam masa 3 bulan dari tarikh Surat Tawaran ini atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh Bank. Tidak kira sama ada dokumen-dokumen pembiayaan telah siap atau belum, Bank boleh menarik balik atau membatalkan Kemudahan atau mengubah terma-terma Kemudahan tertakluk kepada Bank mengeluarkan notis sekurang-kurangnya 21 hari kalendar kepada Pelanggan sebelum melakukan apa-apa pembatalan, pertukaran atau pindaan dan Pelanggan mestilah membayar ganti Bank apa-apa kos, fi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank.

Penggunaan Kemudahan ialah bagi tujuan patuh Syariah sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 16 Surat Tawaran ini dan Pelanggan bersetuju terikat dengan terma dan syarat Surat Tawaran ini.

Tiada apa dalam Surat Tawaran ini (sama ada ditandatangani kedua-dua pihak atau tidak) boleh dianggap meletakkan obligasi ke atas Bank sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau berterusan menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan.

9. Syarat-syarat Kemudahan Menurut Skim Jaminan Yang Ditawarkan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (“SJPP”)

(a) Pemberian Kemudahan di bawah Program SMEGROW-i menurut **Skim SJPP SME Grow** adalah tertakluk kepada kelulusan SJPP, iaitu pentadbir yang dilantik bagi skim ini dan jaminan oleh Kerajaan Malaysia dan keizinan mestilah diperoleh daripada SJPP bagi apa-apa kemudahan/penstrukturan semula tambahan selanjutnya yang diluluskan dan/atau perubahan yang dibuat kepada terma dan syarat sedia ada;

(b) Apa-apa amaun yang tidak digunakan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh Bank menerima kelulusan SJPP akan terbatal secara automatik dan selepas itu tidak akan disediakan lagi kepada Pelanggan kecuali Kemudahan itu dilanjutkan oleh Bank/SJPP/Kerajaan Malaysia.

(c) Fi Jaminan

Fi jaminan tahunan sebanyak 1.00 % setahun akan ditanggung oleh Bank dan diremit oleh Bank kepada SJPP.

Ini adalah tertakluk kepada had agregat pembiayaan Kumpulan tidak melebihi RM50.0 juta bagi semua skim jaminan SJPP, termasuk pembiayaan ini. Kumpulan ditakrif sebagai syarikat-syarikat di bawah kumpulan yang sama dari segi pegangan

syer (memegang 50% atau lebih), para pengarah (menyediakan jaminan) dan/atau penjamin berkaitan.

(d) **Fi Pembatalan**

Fi pembatalan RM100.00 akan dikenakan dalam keadaan berikut:

- bagi setiap pembatalan sesuatu permohonan Jaminan oleh Pelanggan; atau
- kegagalan menggunakan Kemudahan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh Bank menerima kelulusan SJPP dan susulan pembatalan kelulusan jaminan itu;

Fi Pembatalan ini tidak diguna pakai bagi pembatalan sebelum jaminan dikuatkuasakan.

- (e) Pelanggan memberi kebenaran dan persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan segala maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada Kemudahan Pembiayaan, cagaran dan akaun Pelanggan kepada Kerajaan Malaysia dan SJPP;
- (f) Sekiranya Pelanggan ingin menyambung Kemudahan selepas tempoh tamat SJPP atau jaminan SJPP telah luput, Bank boleh mengubah terma dan syarat Kemudahan yang disediakan itu setelah memberi notis bertulis kepada Pelanggan;
- (g) Apabila tamat tempoh skim, maka kadar keuntungan yang dikenakan itu akan ditukar kepada kadar keuntungan sebagaimana ditentukan oleh Bank (tidak melebihi harga jualan) yang akan diguna pakai sepanjang seluruh tempoh Kemudahan dan Bank berhak mengubah terma dan syarat Kemudahan yang diberikan tertakluk kepada Bank mengeluarkan notis sekurang-kurangnya 21 hari kalendar kepada Pelanggan sebelum pertukaran atau pindaan itu dilaksanakan; dan
- (h) Sekiranya berlaku apa-apa perubahan keadaan yang menyebabkan Pelanggan menjadi tidak lagi layak di bawah skim, maka Bank boleh, tertakluk kepada pengeluaran notis sekurang-kurangnya 21 hari kalendar kepada Pelanggan atau apabila diarahkan oleh SJPP, menamatkan Kemudahan di bawah skim, mengubah terma dan syarat yang sedia ada (termasuk kadar keuntungan), dan/atau mengenakan sebarang syarat tambahan yang dianggap perlu atau sesuai oleh Bank menurut budi bicaranya.

10. **Fi Dagangan**

Pelanggan atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan dengan ini bersetuju membayar kepada Bank Fi Dagangan sebanyak RM4.00 bagi setiap RM1.0 juta daripada amaun pembiayaan atas dasar pro-rata dan dengan ini membenarkan Bank mendebit fi dagangan daripada akaun Pelanggan yang diselenggara dengan Bank.

11. **Duti Setem**

Duti setem bersabit dengan Kemudahan yang diberikan, Surat Tawaran ini dan dokumen-dokumen cagaran lain yang didapati di dalam ini (jika ada), hendaklah ditanggung oleh anda. Fi yang berkait dengan duti setem termasuklah duti setem sebanyak 0.5% ad valorem atas Amaun Kemudahan dan nominal sebanyak RM10 bagi setiap dokumen cagaran.

12. **Caj Ganti Rugi (Ta'widh)**

Kedua-dua belah pihak bersetuju dengan jelas bahawa Bank akan berhak mengenakan caj ganti rugi Pelanggan (ta'widh) atas amaun kerugian sebenar yang ditanggung oleh Bank sebagai akibat langsung daripada kelewatan membayar atau kemungkiran Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

(a) Sepanjang Tempoh Kemudahan

- (1) kerana mungkir membuat apa-apa bayaran sepanjang tempoh Kemudahan, pada kadar ganti rugi sebanyak 1% setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas bayaran berjadual lampau tempoh, dikira dari tarikh betul-betul selepas tarikh mungkir bayar itu sehingga tarikh bayaran penuh diterima.
- (2) atas kemungkiran sehingga menyebabkan Kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman, pada kadar 1% setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas baki belum jelas (pokok belum jelas dan keuntungan terakru) dikira dari tarikh betul-betul selepas tarikh mungkir bayar itu sehingga tarikh bayaran penuh diterima.

(b) Selepas Tamat atau Matang Tempoh Kemudahan

Kerana mungkir membuat apa-apa bayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada apa-apa kadar yang tidak akan melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam semalaman harian semasa BNM ("IIMM") atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas baki belum jelas (pokok belum jelas dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk kepada sebarang rebat (Ibra') yang boleh diguna pakai, dikira dari tarikh betul-betul selepas tamatnya tempoh Kemudahan sehingga tarikh bayaran penuh diterima.

(c) Pasca Penghakiman

Kerana mungkir membuat bayaran Kemudahan apabila amaun penghakiman telah diputuskan oleh mahkamah, pada apa-apa kadar yang tidak akan melebihi kadar IIMM atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas jumlah penghakiman asasi bagi Kemudahan tertakluk kepada apa-apa rebat (Ibra') yang boleh diguna pakai, dikira dari tarikh penghakiman dibuat sehingga jumlah penghakiman dilunaskan dengan penuh.

Amaun ganti rugi tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar akan ditentukan pada masa kemungkiran, dikira setiap hari dari tarikh bayaran matang.

Caj bayaran lewat dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana ditentukan oleh BNM.

13. Rebat (Ibra')

(a) Bank akan memberi rebat kepada Pelanggan menurut prinsip Ibra' sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC).

(b) Pengiraan rebat adalah seperti berikut:

Rebat = keuntungan belum peroleh berbaki – caj penyelesaian awal*

* (1) kos yang belum lagi diperoleh kembali kerana kontrak pembiayaan mempunyai struktur dengan unsur diskaun pada tempoh permulaan pembiayaan; dan/atau

* (2) kos permulaan yang belum lagi diperoleh kembali (misalnya, produk kos bergerak sifar); dan/atau

* (3) Kos Pembiayaan Putus (jika ada) seperti yang tersebut dalam kontrak pembiayaan.

(c) Rebat akan diberi kepada Pelanggan yang menyelesaikan Kemudahan pembiayaannya sebelum tamat tempoh pembiayaan. Penyelesaian sebelum tamat tempoh Kemudahan pembiayaan oleh Pelanggan akan termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:

(1) Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit daripada prapembayaran;

(2) Penyelesaian Kemudahan pembiayaan ini disebabkan oleh urusan penstrukturan semula pembiayaan;

(3) Penyelesaian oleh Pelanggan dalam hal mungkir membuat bayaran; dan

(4) Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan Kemudahan pembiayaan ini sebelum tarikh matang.

(d) Bagi pembiayaan kadar boleh berubah, jika amaun keuntungan berdasarkan EPR adalah lebih rendah daripada amaun keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Kontrak ("CPR"), maka rebat akan diberi atas perbezaannya.

(e) Rebat akan hanya dapat dianggap telah diberikan jika telah menerima jumlah penyelesaian/penebusan awal sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Sila rujuk contoh mengenai pengiraan rebat dalam *Lampiran 1*.

14. Pengecualian Terma & Syarat

Adalah ditegaskan dan diakui bahawa apa-apa terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran ini dimasukkan untuk faedah Bank. Bank boleh mengecualikan tanpa syarat, setelah terlebih dahulu memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari kepada Pelanggan, atau atas terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank, apa-apa terma dan syarat dalam Surat Tawaran ini dan pengecualian tersebut tidak akan menghalang Bank daripada tetap mahukan Pelanggan mematuhi syarat-syarat yang dikecualikan itu kemudian nanti.

15. Representasi dan waranti

Pelanggan membuat representasi dan waranti kepada Bank sepanjang tempoh Kemudahan seperti berikut:

- (a) Status: Pelanggan diperbadankan dengan sewajarnya dan wujud secara sah menurut undang-undang Malaysia dan mempunyai kuasa penuh dan autoriti untuk memiliki aset, menjalankan perniagaan dan operasi mereka yang diusahakan semasa ini dan untuk melaksanakan, menyampaikan dan menunaikan obligasi mereka di bawah Kemudahan, jaminan dan Dokumen-dokumen Cagaran yang mana mereka adalah suatu pihak;
- (b) Tidak Melanggar: Pelanggan melaksanakan, menyampaikan dan menunaikan Surat Tawaran, dokumen-dokumen lain dan transaksi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini;
 - (i) merupakan obligasi Pelanggan di sisi undang-undang, sah dan mengikat;
 - (ii) tidak akan melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, perintah, dekri atau peruntukan mana-mana kontrak atau aku janji atau instrumen lain yang mana Pelanggan menjadi subjek;
 - (iii) tidak akan melanggar apa-apa kontrak, aku janji atau instrumen lain yang mana Pelanggan adalah suatu pihak atau yang mengikat Pelanggan; dan
 - (iv) tidak akan menyebabkan penciptaan atau pengenaan apa-apa gadai-janji, lien, sandaran atau gadaian atas mana-mana aset atau hasil Pelanggan menurut peruntukan apa-apa kontrak, aku janji atau instrumen lain.
- (c) Keizinan, Lesen dan Kelulusan: semua keizinan, kelulusan dan/atau kebenaran yang dikehendaki atau dianjurkan untuk atau bersabit dengan pelaksanaan, penyampaian, penyempurnaan, kesahan dan kebolehlaksanaan Surat Tawaran, maka jaminan dan cagaran-cagaran lain (jika berkenaan) telah diperoleh dan sedang berjalan kuatkuasanya.
- (d) Tidak Mungkir: Pelanggan tidak memungkir apa-apa perjanjian yang mana Pelanggan adalah suatu pihak atau mungkin terikat dengannya;
- (e) Tiada Litigasi: tiada tindakan pendakwaan, litigasi, timbangtara atau tindakan pentadbiran sedang dilakukan semasa ini atau menunggu penyelesaian atau bakal dikenakan yang mungkin menjejaskan perniagaan, aset, keadaan, kesolvenan atau

keupayaan Pelanggan untuk menunaikan obligasinya menurut Surat Tawaran, dan/atau apa-apa jaminan dan/atau cagaran lain;

- (f) Tak Solven: tiada langkah diambil, mesyuarat telah dipanggil atau resolusi telah dibuat untuk tujuan likuidasi, pembubaran atau penggulungan Pelanggan.
- (g) Maklumat: semua butir dan/atau akaun yang diberi atau dibuat oleh Pelanggan berkenaan permohonan Kemudahan oleh Pelanggan adalah benar, tepat dan betul daripada segenap segi;
- (h) Akaun: akaun Pelanggan kali akhir diaudit telah disiapkan selaras dengan prinsip dan amalan perakaunan yang diterima pakai di Malaysia dan mencerminkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Pelanggan setakat tarikh berkenaan dan dengan tepat membuat pendedahan dan rizab bagi segala liabiliti Pelanggan;
- (i) Tidak Berlaku Kemungkiran: tiada satu pun kemungkiran yang disenaraikan dalam Surat Tawaran ini telah berlaku dan terus berlaku;
- (j) Tiada Perubahan Matan dalam Keadaan Kewangan: tidak berlaku perubahan negatif yang matan dalam kedudukan kewangan Pelanggan dan subsidiari-subsidiarinya secara keseluruhan sejak tarikh akaun beraudit terkini, yang secara matan akan menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk menunaikan obligasinya di bawah Kemudahan; dan
- (k) Patuh Syariah: perniagaan teras dan aktiviti prinsipal Pelanggan tidak melibatkan aktiviti tak patuh Syariah dan juga Kemudahan tidak akan digunakan untuk tujuan tak patuh Syariah.
- (l) Lain-lain: apa-apa representasi dan waranti lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dalam dokumen pembiayaan.

Representasi dan waranti di atas ini adalah betul dan dipatuhi selagi Kemudahan kekal tersedia dan sehingga segala keterhutangan yang perlu dijelaskan di bawah Kemudahan telah dilunaskan dengan penuh.

16. Perjanjian Positif

Pelanggan mestilah memastikan bahawa pada segenap masa sepanjang Kemudahan diteruskan dan selagi ada bahagian Kemudahan yang belum selesai, maka hal-hal berikut perlu dipatuhi:

- (a) Berlaku Kemungkiran: Seberapa segera Bank hendaklah diberitahu jika berlaku apa-apa kemungkiran berkait dengan keterhutangan lain Pelanggan yang boleh menjejaskan obligasinya menurut Surat Tawaran ini. Pelanggan mestilah menyampaikan kepada Bank perincian penuh apa-apa langkah yang diambilnya, atau bercadang diambil supaya dapat memperbaiki atau meringankan kesan Kemungkiran itu atau sebaliknya bersabit dengannya;

- (b) Pengendalian Perniagaan: menjalankan perniagaan dan hal-ehwal Pelanggan secara sah di sisi undang-undang, dengan tekun dan cekap selaras dengan Memorandum dan Tataurusan Pertubuhannya dan/atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan;
- (c) Patuh Syariah: menjalankan perniagaan yang tidak melanggar undang-undang dan peraturan mengenai pembiayaan dan/atau transaksi cara Islam;
- (d) Pemberitahuan: susulan keizinan Bank untuk melakukan pertukaran tersebut, dan apabila terlaksana pertukaran itu, Pelanggan hendaklah dengan seberapa segera menyampaikan maklumat darihal perniagaan Pelanggan, termasuk yang berikut:
 - (i) perubahan Lembaga Pengarah;
 - (ii) perubahan anggota pengurusan, para pemegang syer utama atau pemegang syer yang mengawal; dan
 - (iii) perubahan ketara dari segi hala tuju perniagaan Pelanggan.

Pelanggan hendaklah mengemukakan cabutan minit-minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan Resolusi Pekeliling Pengarah atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan kepada Bank dalam masa 30 hari dari tarikh mesyuarat atau resolusi tersebut berkenaan mana-mana hal di atas.

- (e) Pemeriksaan: pada setiap masa membenarkan, dengan kebenaran bertulis jika perlu, untuk membolehkan Bank, para pegawai, kakitangan dan/atau ejennya memeriksa segala rekod Pelanggan di mana-mana tempat perniagaan Pelanggan atau mana-mana sahaja dan segala rekod Pelanggan yang disimpan oleh mana-mana pihak berkuasa atau individu-individu lain sejauh mana mengenai atau menyentuh perniagaan dan harta-harta Pelanggan.
- (f) Penarafan: memastikan Kemudahan itu akan bertaraf sama rata dengan semua kemudahan setanding yang lain yang diberi kepada Pelanggan oleh jurubank atau pemiutang yang lain; dan
- (g) Maklumat: menyampaikan kepada Bank semua maklumat atau dokumen yang diminta oleh pihak Bank. Pelanggan memberi keizinan kepada Bank untuk mendapatkan apa-apa maklumat lain daripada mana-mana agensi atau sumber rujukan kredit dan pada bila-bila masa yang dianggap wajar oleh Bank.

17. Perjanjian Negatif

Pelanggan ditegah, sepanjang tempoh Kemudahan, tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis Bank (keizinan mana tidak boleh disekat tanpa sebab munasabah):

- (a) Pendahuluan Pinjaman: memberi apa-apa pembiayaan, pinjaman, pendahuluan, menyediakan cagaran atau jaminan kepada sesiapa jua melainkan untuk kredit dagangan atau jaminan dagangan biasa dalam perjalanan urusan biasa;

- (b) Penggabungan, Penyatuan dan Penyusunan Semula: menguatkuasakan atau membenarkan sebarang bentuk penggabungan, pembinaan semula, penyatuan, pencantuman atau pengurangan modal syer atau sebaliknya meluluskan pertukaran pemilikan atau kawalan;
- (c) Pelupusan: membubar sendiri (atau mengalami likuidasi, pembubaran atau pembatalan), menjual, memindah milik, membebani atau sebaliknya melupus atau memajak kesemua atau sebahagian besar aset atau usaha niaganya kecuali dalam perjalanan urusan biasanya dengan amaun atau nilai agregat yang pada pendapat Bank tidak material atau penting;
- (d) Perkongasian: mengikat perkongsian atau perjanjian royalti atau perkongsian untung atau pengaturan lain yang serupa di mana pendapatan atau keuntungan Syarikat dikongsi dengan orang/atau syarikat lain melainkan pengaturan tersebut diikat semasa dalam perjalanan urusan biasa perniagaan, atau mengikat apa-apa perjanjian pengurusan di mana perniagaannya diuruskan oleh pihak ketiga.
- (e) Tindakan Undang-undang: menggerakkan, memulakan, mengambil atau meneruskan sebarang tindakan, guaman atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap vendor atau mana-mana pihak yang berkait dengannya berkenaan apa-apa hal yang berbangkit daripada pembelian harta yang bakal dibiayai oleh dan/atau dicagar kepada Bank (jika berkenaan).
- (f) Perubahan Urusan: mengubah tahun kewangan Pelanggan atau menukar atau mengancam untuk menukar corak atau skop urusan kini Pelanggan, menggantung atau mengancam untuk menggantung sebahagian besar urusan atau operasi yang sewaktu ini dijalankannya secara langsung atau tak langsung;
- (g) Ubahan Modal Syer: mengurangkan atau mengubah (selain menambah) modal dibenarkan atau diterbitkan Pelanggan atau mengubah struktur atau hak-hak yang dikait kepada modal syer.
- (h) Perubahan Pegangan Syer, dan/atau Pengarah dan/atau Pengurusan: mengubah Lembaga Pengarah Pelanggan atau pengurusan atau pemegang syer utama atau mengawalinya atau sebahagian.
- (i) Lain-lain: melanggar apa-apa waad lain yang telah ditetapkan oleh Bank.

18. Perjanjian Patuh Syariah

Aktiviti utama Pelanggan dan penggunaan Kemudahan tersebut sepanjang tempoh Kemudahan mestilah mematuhi prinsip-prinsip menurut ketetapan Syariah oleh SAC Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah Bank. Sebagai garis rujukan am, berikut adalah senarai aktiviti yang melanggar prinsip Syariah:

- (a) urusan perbankan dan pemberian pinjaman konvensional;
- (b) insurans konvensional;
- (c) perjudian dan aktiviti berkaitan perjudian;
- (d) arak dan aktiviti/produk berkaitan arak;
- (e) babi dan aktiviti/produk berkaitan babi;

- (f) makanan dan minuman tidak halal / tidak diperakui halal;
- (g) hiburan yang tak patuh Syariah;
- (h) pendapatan faedah daripada akaun dan instrumen konvensional (termasuk pendapatan faedah yang diberi hasil keputusan penghakiman mahkamah atau penimbang tara);
- (i) dividen daripada pelaburan tak patuh Syariah;
- (j) tembakau dan aktiviti berkaitan tembakau;
- (k) perniagaan broker saham dan dagangan syer dalam sekuriti tak patuh Syariah;
- (l) sewaan yang diterima daripada aktiviti tak patuh Syariah (seperti di atas); dan
- (m) aktiviti-aktiviti lain yang dianggap tidak patuh menurut Syariah;

Senarai di atas ini hanyalah suatu panduan umum bagi Pelanggan dan tidak tuntas.

19. Keputusan / Hukum Berkaitan Hal-hal Syariah

Apa-apa keputusan dan/atau hukum lazim berkaitan dengan hal-hal Syariah yang dimasyhurkan dan/atau dibuat oleh SAC dan/atau Jawatankuasa Syariah Bank akan secara mutlaknya mengikat Pelanggan buat perjanjian masa kini dan masa akan datang.

Pelanggan memahami bahawa Kemudahan dan dokumen-dokumen pembiayaan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariat Bank dan bersetuju dan beraku janji bahawa kelulusan itu adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan.

20. Kemungkiran

Apa-apa amaun yang terhutang atau masih tidak berbayar daripada Kemudahan perlulah segera dilunaskan oleh Pelanggan kepada Bank mengikut kadar pampasan berkenaan seperti dinyatakan dalam Surat Tawaran ini apabila salah satu kemungkiran ini berlaku:

- (a) Gagal Bayar: jika Pelanggan gagal membuat bayaran sejumlah wang yang kena dijelaskan kepada Bank atau mungkir atau gagal menunaikan mana-mana tanggungannya, perjanjian atau apa-apa terma dan syarat dalam Surat Tawaran ini; atau
- (b) Tak Solven: jika Pelanggan atau Pihak Penyedia Cagaran (jika ada) melakukan tindakan kemuflian/kebankrapan atau berdepan dengan apa-apa petisyen atau meluluskan apa-apa resolusi pembubaran atau berada dalam kuasa penerima atau berada dalam apa-apa komposisi atau pengaturan dengan atau untuk faedah para pemiutangnya; atau
- (c) Penghakiman Belum Selesai: jika ada apa-apa kebangkrapan, pelaksanaan atau proses lain sesuatu mahkamah berbidang kuasa kompeten dijatuhkan ke atas atau dikeluarkan terhadap aset Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) dan proses tersebut tidak dipenuhi atau ditarik balik dalam masa 21 hari selepas penghakiman; atau
- (d) Kematian atau Ketidakupayaan: jika Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) yang merupakan orang sebenar menjalani apa-apa hukum tahanan, menjadi tidak

berupaya atau tidak siuman atau meninggal dunia; atau

- (e) Perubahan Kedudukan Kewangan: jika berlaku perubahan matan dalam kedudukan kewangan Pelanggan yang pada pendapat Bank berkemungkinan menjejaskan kemampuan Pelanggan untuk terus menampung Kemudahan dan bayaran matang kepada Bank; atau
- (f) Salah Nyataan: mana-mana kenyataan, representasi dan waranti yang dibuat oleh Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran dalam Dokumen-dokumen Cagaran (jika ada) menjadi tidak betul dari segi matan atau tidak dipatuhi; atau
- (g) Perubahan Undang-undang: jika sesuatu perubahan kepada undang-undang atau peraturan berkenaan menjadikannya mustahil atau salah di sisi undang-undang untuk Bank berterusan menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan; atau
- (h) Perubahan Pegangan Syer dan Pengurusan: jika terdapat perubahan pada pemegang syer utama dan/atau pengurusan Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) tanpa mendapat keizinan bertulis Bank terlebih dahulu; atau
- (i) Pelanggan Melanggar: jika Pelanggan melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran atau dalam mana-mana Dokumen Kemudahan atau Dokumen Cagaran; atau
- (j) Berisiko: pada pendapat Bank:-
 - (i) mana-mana cagaran dalam Surat Tawaran ini berisiko atau tidak efektif; dan/atau
 - (ii) sesuatu perkata berlaku atau suatu situasi wujud yang boleh atau mungkin menjejaskan obligasi Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) untuk menunaikan mana-mana obligasinya di bawah Kemudahan.
- (k) Penggunaan: jika penggunaan Kemudahan tersebut melanggar prinsip-prinsip Syariah dan penggunaannya adalah untuk tujuan tidak patuh Syariah; atau
- (l) Tak Patuh Syariah: jika aktiviti-aktiviti utama Pelanggan bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah dan keuntungannya yang tidak patuh Syariah; atau
- (m) Penarikan Balik Cagaran: jika mana-mana Pihak Cagaran (jika ada) menarik diri atau bermaksud menarik diri tanpa mendapat keizinan bertulis Bank terlebih dahulu; atau
- (n) Perubahan Negatif Yang Matan: jika Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) terjejas oleh perubahan matan dari segi hal keadaannya yang pada pendapat Bank mempunyai kesan buruk terhadap kemampuan Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) untuk menunaikan obligasinya di bawah Kemudahan dan/atau dokumen-dokumen pembiayaannya; atau
- (o) Kajian Semula Bank: jika Bank memutuskan, dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan, atas budi bicara mutlaknya bahawa penerusan Kemudahan atau

mana-mana bahagian Kemudahan itu berkemungkinan memudaratkan kedudukannya sendiri atau tidak diingini atau cagarannya tidak mencukupi; atau

- (p) Berhenti Berniaga: jika Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) berhenti berniaga atau mengancam akan berhenti menjalankan perniagaannya; atau
- (q) Kemungkiran Silang: Jika Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada):
 - (i) mungkir bayar di bawah mana-mana Kemudahan yang disediakan oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain; atau
 - (ii) memungkiri obligasinya di bawah mana-mana akaun lain yang diselenggara dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain yang berkemungkinan menjejaskan kemampuan Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) untuk menunaikan obligasi mereka masing-masing seperti tertera dalam Surat Tawaran ini atau dokumen-dokumen pembiayaan atau apa-apa kemungkiran lain seperti yang digariskan oleh Bank dalam Dokumen Kemudahan atau Dokumen Cagaran;

kemudian, dengan segera atau bila-bila masa selepas itu, Bank boleh, melalui notis kepada Pelanggan, mengisytiharkan bahawa suatu Kemungkiran telah berlaku dan serentak dengan itu atau pada bila-bila masa selepas itu, tanpa mengira sama ada sebarang kemungkiran yang tersebut dalam Surat Tawaran ini masih berlanjutan, maka Bank boleh, melalui notis bertulis kepada Pelanggan, mengisytiharkan keterhutangan atau baki keterhutangan itu perlu dibayar dan dijelaskan serta-merta:

- (i) jika Kemudahan atau apa-apa bahagian Kemudahan telah dibayar, maka keterhutangan atau baki keterhutangan itu perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank;
- (ii) jika Kemudahan atau apa-apa bahagian Kemudahan itu belum dibayar sepenuhnya, maka tiada lagi pembayaran akan dibuat dan Kemudahan itu akan dibatalkan; dan
- (iii) cagaran yang diwujudkan dalam Surat Tawaran ini akan boleh dikuatkuasakan serta-merta sama ada secara berasingan atau serentak.

21. **Syarat Lain**

- (a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA”) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait bagi Bank-bank Islam (“Garis Panduan”)
 - (i) Pelanggan mestilah mengisytiharkan kepada Bank sama ada Pelanggan adalah suatu pihak berkait di bawah Garis Panduan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, pasangan, anak, ibu/bapa atau tanggungan kewangan bagi Pengarah, Pegawai Eksekutif atau pegawai pelulus/penaksir/penyemak kredit Bank atau bagi pelanggan-korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal individu-individu Bank yang tersebut di atas.

- (ii) Jika pada bila-bila masa Pelanggan menjadi individu berkait, Pelanggan mestilah memberitahu Bank secara bertulis dengan serta-merta. Bank berhak menamatkan Kemudahan setelah memberi notis bertulis kepada Pelanggan terlebih dahulu sekiranya Pelanggan gagal membuat pengisytiharan yang wajar atau betul, sehingga akibatnya Bank melanggar IFSA atau Garis Panduan tersebut.
- (b) Representasi dan Waranti mengenai Pemprosesan Maklumat Peribadi
 - (i) Pelanggan membuat representasi dan waranti bahawa pihaknya telah mendapatkan keizinan semua orang yang dinamakan dalam permohonan Pelanggan atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan kepada Bank sebagai menyokong permohonan Kemudahan; dan/atau
 - (ii) Pelanggan telah mendapatkan keizinan wakil-wakil mereka yang diberi kuasa, termasuk para pengarah Pelanggan, pemegang syer, penandatanganan berautoriti atau mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank (“Subjek Data Relevan”), bagi Bank mengutip, menyimpan dan menggunakan maklumat peribadi Subjek Data Relevan selaras dengan Notis Privasi Bank** sepertimana mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

Semua maklumat daripada Pelanggan akan dipegang oleh Bank sebagai betul dan lengkap untuk memastikan Data Perlindungan Data Peribadi 2010 dipatuhi.

** “Notis Privasi” bermaksud dasar dan prinsip Bank berkenaan pengutipan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan Bank sepertimana mungkin dipinda dari semasa ke semasa dan dipaparkan di <https://www.hlb.com.my/privacynotice> atau dengan apa-apa cara yang dianggap wajar dari semasa ke semasa.

- (c) Keizinan untuk Memproses Maklumat Peribadi (*Bagi Pelanggan yang merupakan individu, pemunya tunggal / perkongsian*)

Pelanggan menyetujui dan mengizinkan pemegangan, pengutipan dan penggunaan semua data peribadi yang diberi oleh Pelanggan kepada Bank atau yang diperolehi Bank daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul hasil daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan bersabit dengan Kemudahan atau apa-apa akaun lain Pelanggan yang diselenggara dengan Bank, selaras dengan Notis Privasi Bank sepertimana mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

- (d) Hak untuk Mendedahkan Maklumat

Selain pendedahan diizinkan menurut Jadual 11 (Pendedahan Diizinkan) IFSA, setelah terlebih dahulu memberi notis bertulis kepada Pelanggan dengan menyatakan sebab bagi pendedahan tersebut, maka Pelanggan membenarkan dan mengizinkan Bank, para pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat mengenai Kemudahan dan apa-apa hal lain berkaitan dengan Pelanggan kepada:-

- (i) institusi-institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi apa-

apa pembiayaan atau kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan mana-mana pihak berkuasa relevan yang lain sepertimana diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank di Malaysia atau Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia;

- (ii) mana-mana perbadanan masa sekarang atau masa akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan Bank atau Hong Leong Bank Berhad (mengikut takrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan dan wakil mereka masing-masing serta juga subsidiari-subsidiari syarikat induk Bank atau subsidiari-subsidiari syarikat induk Hong Leong Bank Berhad;
- (iii) pihak Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran bagi Kemudahan;
- (iv) juruaudit Bank, peguamcara dan/atau ejen-ejen lain bersabit dengan perolehan kembali wang yang terhutang dan perlu dijelaskan; dan
- (v) para penasihat profesional Bank, penyedia perkhidmatan, nomini, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat menyediakan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh Bank dan syarikat-syarikat bersekutu atau berkait dengannya.

Bank boleh mendedahkan kepada mana-mana orang yang mendapatkan atau mungkin mendapatkan hak atau obligasi menurut atau melalui rujukan kepada Dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada penerima serah hak atau penerima pindahan ataupun penerima serah hak atau penerima pindahan prospektif) apa-apa maklumat mengenai Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan atau Dokumen Cagaran sepertimana yang telah disediakan kepada Bank secara umum.

Pelanggan membuat akuan dan bersetuju bahawa keizinan yang diberi di bawah Seksyen ini dianggap keizinan bagi tujuan mana-mana undang-undang sedia ada dan tidak perlu lagi mendapatkan keizinan daripada Pelanggan.

Pelanggan mengizinkan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa melainkan dalam hal ganti rugi yang timbul secara langsung daripada kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuiaan melampau di pihak Bank, maka Bank, para pegawai dan pekerjanya tidak menanggung sebarang liabiliti kerana memberi maklumat tersebut atau atas akibat pergantungan kepada maklumat yang diberikan itu selaras dengan Surat Tawaran.

Pelanggan memberi kuasa dan keizinan kepada Bank untuk mendapatkan apa-apa maklumat lain tentang Pelanggan daripada mana-mana agensi atau sumber rujukan kredit dan pada bila-bila masa yang dianggap wajar oleh Bank.

(e) Kos & Perbelanjaan

- (i) Pelanggan mestilah menanggung segala fi, duti setem, cukai dan apa-apa belanja tunai langsung bagi urusan penyediaan, penyempurnaan dan penguatkuasaan dokumentasi pembiayaan dan/atau apa-apa hak guaman terhadap Kemudahan termasuk fi guaman Bank (atas dasar peguam dan anak guam sendiri) bagi memperoleh kembali Kemudahan yang telah diberi.
- (ii) Bank akan berhak untuk mendebit akaun Pelanggan bagi segala fi dan caj profesional, sumbangan takaful/premium insurans, cukai tanah, cukai taksiran, kos dan perbelanjaan yang perlu dibayar oleh Pelanggan berkaitan Kemudahan dan/atau cagaran yang diberi bersabit dengannya termasuk fi guaman (atas dasar peguam dan anak guam sendiri) yang ditanggung kerana memperoleh kembali Kemudahan tertakluk kepada Bank mengeluarkan notis sekurang-kurangnya 7 hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan dan Pelanggan mestilah membayar caj ganti rugi atas amaun didebit pada kadar gagal bayar berkenaan, menurut fasal 12 di atas, (sebelum dan juga selepas tuntutan, penghakiman atau perintah dibuat) pada tempoh kiraan atas baki sepertimana disyaratkan oleh Bank dari tarikh jumlah wang itu telah dibayar atau dihabiskan.

(f) Perubahan Bank/Pelanggan

Liabiliti dan/atau obligasi Pelanggan menurut Surat Tawaran akan tetap sah dan mengikat bagi semua tujuan walaupun: -

- (i) berlaku apa-apa perubahan kerana penyatuan, pembinaan semula atau sebaliknya yang boleh dibuat dalam perlembagaan Bank atau mana-mana syarikat yang melaluinya urusan Bank boleh dijalankan buat sementara waktu dan akan tersedia kepada syarikat menjalankan urusan itu buat sementara waktu;
- (ii) berlaku apa-apa perubahan sama ada kerana penyatuan, kebangkrapan, kematian, ketaksiunan, penggabungan, likuidasi, pembinaan semula, pembubaran atau sebab lain pada nama, stail, perlembagaan atau komposisi Pelanggan dan ditegaskan di sini bahawa apa jua perubahan yang berkaitan dengan atau menjejaskan Pelanggan tidak akan menjejaskan liabiliti dan/atau obligasi Pelanggan berkaitan dengan apa jua transaksi sama ada masa lalu, masa sekarang atau masa akan datang.

(g) Hak Tolak Selesai dan Penyatuan

- (i) tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang ada pada Bank, maka Bank boleh dengan memberi notis bertulis 7 hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan menggabung, menyatukan atau mencantumkan kesemua atau mana-mana akaun Pelanggan di mana-mana cawangan Bank tidak kira jenisnya (sama ada akaun semasa, deposit atau pembiayaan) dengan apa-apa liabiliti Pelanggan di bawah mana-mana perjanjian atau kontrak yang diikat dengan Bank;

- (ii) tolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah wang (sama ada dalam mata wang yang sama atau berlainan) yang ada dalam kredit mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak bagi menyelesaikan atau menjelaskan apa-apa liabiliti Pelanggan kepada Bank dalam Surat Tawaran ini atau di bawah mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak yang lain.
- (iii) Bank diberi kuasa untuk melakukan penukaran mengikut kadar pertukaran semasa Bank sendiri. Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi dan/atau kerugian yang dialami Pelanggan disebabkan cara pengendalian ini kecuali jika hal itu disebabkan oleh kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau di pihak Bank atau ejen-ejennya.

(h) Akaun Gantung

- (i) Apa-apa wang yang diterima oleh Bank bagi Kemudahan boleh (dengan notis bertulis kepada Pelanggan) dimasukkan dalam akaun gantung tanpa pendapatan jika Bank fikirkan wajar, dan Bank tidak wajib menggunakan wang tersebut untuk menyelesaikan apa-apa obligasi atau liabiliti Pelanggan kepada Bank.
- (ii) Walaupun terdapat apa-apa bayaran jika berlaku prosiding kebangkrapan, likuidasi, komposisi atau perkiraan, tetapi Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi bagi liabiliti, dan wang atau dividen yang diterima oleh Bank itu tidak akan dikira sebagai diterima bagi liabiliti Pelanggan di bawah ini, tetapi amaun penuh bagi liabiliti Pelanggan di bawah ini akan perlu dibayar oleh Pelanggan sehingga Bank telah menerima daripada segala sumber amaun penuh bagi baki muktamad yang harus diterima oleh pihaknya.
- (iii) Setelah Bank menerima baki muktamad tersebut dengan penuh, sebarang tuntutan di pihak Pelanggan terhadap apa-apa lebihan berbaki dengan Bank akan diselesaikan dengan cara pelarasan antara Bank dengan Pelanggan dan seorang atau orang-orang yang lain yang ada tuntutan terhadapnya.

(i) Pengecualian

Jika Bank tidak menggunakan hak atau remedinya di bawah Surat Tawaran ini sepenuhnya atau pada bila-bila masa tertentu, hal itu tidak akan menjejaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau ditafsirkan sebagai pengecualian atau keredaan atau persetujuan dalam kemungkiran tersebut, begitu juga sebarang tindakan oleh Bank bagi sebarang kemungkiran atau persetujuan atau keredaan dalam sebarang kemungkiran tersebut tidak akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Bank bagi apa-apa kemungkiran lain atau berikutnya.

(j) Penyata Akaun

Pelanggan bersetuju bahawa penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank, kecuali wujud ralat ketara, adalah bukti muktamad tentang keterhutangan Pelanggan.

(k) Aku Janji Pelanggan

Pelanggan bersetuju dan beraku janji untuk membayar balik dan membayar ganti Bank setelah menerima tuntutan bertulis daripada Bank, sebarang kerugian atau perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguam dan anak guam sendiri) yang mungkin ditanggung atau dialami Bank akibat kemungkiran Pelanggan menunaikan obligasinya menurut Surat Tawaran melainkan jika hal itu disebabkan kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau di pihak Bank atau ejen-ejennya.

(l) Penggunaan Bayaran

Meskipun peruntukan-peruntukan lain menurut Surat Tawaran menyatakan sebaliknya, namun Bank boleh dengan syarat memberi notis bertulis kepada Pelanggan terlebih dahulu, menggunakan apa-apa bayaran yang diterima daripada Pelanggan atau daripada mana-mana orang membuat bayaran bagi pihak Pelanggan (tanpa mengira sama ada tujuan pembayaran itu dinyatakan atau tidak) bagi menyelesaikan dengan penuh atau sebahagian apa-apa amaun harga jualan komoditi yang berbaki, komisen dan caj dan/atau apa-apa jumlah wang lain yang ketika itu perlu dibayar oleh Pelanggan mengikut tertib yang Bank fikirkan wajar.

(m) Pengelakan Pembayaran

Apa-apa jaminan, cagaran atau bayaran yang boleh dielakkan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan pembubaran atau insolvensi dan tiada pelepasan, penyelesaian atau pembatalan yang diberi atau dibuat oleh Bank bersandarkan mana-mana jaminan, cagaran atau bayaran, tidak akan menjejaskan atau menyentuh hak-hak Bank untuk memperoleh kembali daripada Pelanggan jumlah wang yang perlu dibayar dalam Surat Tawaran dan dicagarkan di bawah Dokumen Cagaran kepada takat penuh dalam Surat Tawaran. Apa-apa pelepasan, penyelesaian atau pembatalan akan dianggap telah dilakukan tertakluk kepada syarat bahawa hal itu akan terbatal jika apa-apa bayaran atau cagaran yang sebelum ini Bank mungkin telah terima atau mungkin kemudiannya diterima daripada mana-mana orang bagi wang yang dipersetujui supaya dibayar atau dibayar balik oleh Pelanggan diketepikan di bawah mana-mana undang-undang berkenaan atau terbukti tak sah atas apa jua sebab pun.

(n) Tarikh Bayaran

Jika apa-apa bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan pada suatu hari yang bukannya suatu Hari Perniagaan, maka tarikh bayaran mesti dibuat ialah pada Hari Perniagaan sebelum itu.

Hari Perniagaan bermakna hari Bank dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur dan di negeri terletaknya cawangan pembiayaan Bank di mana transaksi berkaitan dengan dokumen ini dijalankan.

(o) Penguatkuasaan

Hak-hak Bank di bawah ini adalah menambah dan bukan menggantikan apa-apa hak

atau cagaran lain yang dimiliki Bank daripada atau terhadap Pelanggan, atau mana-mana orang lain dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan terma-termanya tanpa mula-mula mendapatkan pertolongan atau rekursa bagi apa-apa hak atau cagaran lain dan tanpa mengambil apa-apa tindakan atau prosiding terhadap mana-mana orang/cagaran lain tersebut.

(p) Notis

- (i) Apa-apa tuntutan bayaran wang yang dengan ini dimaksudkan untuk dicagar boleh dibuat melalui notis bertulis yang memerlukan bayaran dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh notis tersebut dan boleh dikeluarkan oleh Bank atau oleh mana-mana peguamcara atau firma peguamcara yang dikatakan bertindak bagi pihak Bank. Notis tersebut akan dianggap telah disampaikan secukupnya ke atas Pelanggan jika notis itu ditinggalkan di tempat kediaman atau perniagaan yang biasa atau kali akhir diketahui atau di alamat yang disebut dalam Surat Tawaran atau dihantar melalui surat berdaftar atau pos biasa kepada mana-mana alamat tersebut atau dihantar melalui teleks atau faks kepada mana-mana nombor teleks/faks Pelanggan atau yang ada dalam rekod Bank.
- (ii) Apa-apa notis lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk disampaikan oleh Bank di bawah atau menurut Penyerahan Hak ini boleh disampaikan dan hendaklah dianggap telah disampaikan, diberikan atau dibuat oleh Bank melalui pos, faks, mel elektronik (“e-mel”), perkhidmatan pesanan ringkas (“SMS”), serahan peribadi, atau apa-apa kaedah lain yang sesuai dan dibenarkan oleh Bank. Notis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank (termasuk notis/kenyataan janaan komputer yang tidak memerlukan sebarang tandatangan) akan ditujukan kepada Pelanggan di alamat, nombor faks, alamat e-mel dan/atau nombor telefon Pelanggan mengikut rekod Bank.
- (iii) Semua notis atau komunikasi daripada Pelanggan kepada Bank mestilah dihantar kepada cawangan Bank. Notis atau komunikasi tersebut telah diserahkan apabila Bank telah mengaku penerimaannya.
- (iv) Notis dan/atau tuntutan yang disampaikan menurut Seksyen 19.9 ini hendaklah dianggap telah diserahkan bagi:-
 - (1) pos, lima (5) hari selepas tarikh pengeposan;
 - (2) faks, pada tarikh penghantaran;
 - (3) e-mel dan/atau SMS, pada hari penghantaran;
 - (4) serahan peribadi, pada masa serahan; dan
 - (5) iklan, pada tarikh iklan.
- (v) Pelanggan dengan ini membenarkan Bank:
 - (1) bergantung kepada dan bertindak atas notis atau arahan Penyerah Hak yang diberi mengikut cara berikut (“Arahan”):
 - (A) melalui telefon, pos, penghantaran faks, e-mel atau apa-apa kaedah elektronik yang lain; dan

- (B) berdasarkan tandatangan yang tampak pada Bank, melalui rujukan kepada nama dan tandatangan orang-orang berkenaan yang difailkan dengan Bank sebagai tandatangan Pelanggan atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh Pelanggan mengeluarkan arahan tersebut; dan
- (2) menganggap semua Arahan yang diberi itu sebagai mengikat Pelanggan.
- (vi) Bank boleh menolak mana-mana Arahan tanpa menanggung apa-apa liabiliti Pelanggan.
- (vii) Bank boleh merakamkan semua perbualan dan Arahan dalam telefon dan boleh menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian.
- (viii) Pelanggan menanggung risiko Arahan yang diberi dengan cara yang dinyatakan di dalam ini termasuk risiko Arahan tersebut diberi oleh orang-orang tanpa kebenaran dan/atau sebarang kesilapan, kerugian atau kelewatan akibat menggunakan peranti telekomunikasi, rangkaian atau cara elektronik.
- (ix) Kecuali dalam hal ganti rugi yang berbangkit secara langsung daripada kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau di pihak Bank, maka Pelanggan bersetuju membayar balik Bank setelah tuntutan bertulis dibuat oleh Bank, segala kerugian, tuntutan, kos, ganti rugi, perbelanjaan dan segala liabiliti lain yang mungkin dialami Bank kerana pergantungan kepada Arahan itu.
- (q) Undang-undang Pentadbiran
- Hak dan obligasi Bank dan Pelanggan seperti termaktub di bawah ini akan ditadbirkan oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia. Pihak Bank adalah bebas memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau sebaliknya terhadap Pelanggan di Malaysia dan/atau tempat lain yang difikirkan wajar oleh Bank dan Pelanggan bersetuju bahawa jika apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia pihaknya akan akur kepada bidang kuasa tak eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaya atau Sabah and Sarawak (mengikut mana yang berkenaan) dalam semua hal bersabit dengan obligasi dan liabilitinya menurut atau berbangkit daripada Surat Tawaran dan/atau Dokumen Cagaran.
- (r) Hak Tak Boleh Batal untuk Mendebit Akaun Semasa
- Bank akan mempunyai hak tak boleh batal dan tak terhad untuk mendebit akaun semasa atau apa-apa akaun semasa lain milik Pelanggan yang diselenggara dengan Bank bagi menjelaskan semua bayaran yang perlu dibayar pada tarikh bayaran masing-masing termasuk juga komisen, sumbangan takaful/premium insurans dan caj-caj lain berkenaan Kemudahan dan/atau cagaran yang perlu dibayar oleh Pelanggan.

(s) Kemungkiran Silang

Bank berhak untuk mengambil prosiding undang-undang terhadap Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran (jika ada) atau untuk mempercepat pembayaran atau untuk memanggil balik Kemudahan, dan semua wang lain yang perlu dibayar kepada Bank menurut Surat Tawaran atau menahan atau menarik balik Kemudahan jika berlaku kemungkiran:

- (i) membayar apa-apa wang yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan seperti di bawah ini atau di bawah mana-mana akaun lain dengan Bank atau dengan institusi kewangan yang lain; atau
- (ii) kemungkiran oleh Pihak Cagaran (jika ada) atau mana-mana syarikat berkaitan (berdasarkan Seksyen 7 (Apabila syarikat-syarikat dianggap berkait antara satu sama lain) Akta Syarikat 2016); atau
- (iii) kemungkiran oleh pemegang syer substantial (berdasarkan Seksyen 136 (pegangan syer substansial dan pemegang syer substansial) Akta Syarikat 2016 Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada),

di bawah mana-mana akaun dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau jika berlaku kemungkiran membayar apa-apa wang di bawah akaun mana-mana pihak lain yang mana Pelanggan atau mana-mana Pihak Cagaran (jika ada) adalah penjamin atau apabila Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran (jika ada) atau mana-mana subsidiari atau syarikat induk Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran (jika ada) berhenti atau mengancam hendak berhenti menjalankan perniagaannya atau suatu petisyen dikemukakan atau suatu resolusi diluluskan untuk membubarkan Pelanggan, Pihak Cagaran (jika ada) atau mana-mana syarikat berkaitan atau pemegang syer substansial Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) atau ada berlaku perubahan keadaan, yang pada pendapat Bank mempunyai kesan negatif yang ketara terhadap Bank dan/atau kemampuan Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) untuk menunaikan obligasi menurut Surat Tawaran ini.

(t) Force Majeure

Walaupun ada peruntukan-pertuntukan lain dalam Surat Tawaran ini, namun sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan lantaran sesuatu sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada ketiadaan komoditi-komoditi yang diperlukan, kegagalan Bursa Suq Al-Sila' atau mana-mana bursa lain seumpamanya atau peserta-pesertanya untuk menunaikan obligasi mereka berkaitan dengan Kemudahan itu, kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, bencana alam, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana atau apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bahan api atau apa-apa faktor mirip *force majeure*, Bank sama sekali tidak bertanggungjawab atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripadanya.

(u) Gangguan Pasaran

Jika pada pendapat Bank, perubahan telah berlaku dari segi keadaan monetari, kewangan, ekonomi dan politik negara dan antarabangsa atau kadar pertukaran mata wang atau kawalan pertukaran yang akan menyebabkan Kemudahan menjadi tidak praktikal dan mustahil secara dagangan sama ada buat sementara atau kekal, maka Bank akan memaklumkan pendapat Bank kepada Pelanggan, dan:

- (i) selagi keadaan sedemikian masih wujud, maka penggunaan Kemudahan itu tidak akan dibenarkan;
- (ii) Bank dengan niat baik akan merundingkan suatu asas alternatif yang boleh diterima oleh Bank untuk menyambung Kemudahan itu; dan
- (iii) melainkan dalam tempoh 30 hari selepas notis tersebut diberi, keadaan tersebut tidak lagi wujud ataupun suatu asas alternatif yang boleh diterima oleh Bank telah dicapai, Kemudahan itu akan ditamatkan dan/atau jika Kemudahan itu telah digunakan maka Pelanggan mestilah apabila dituntut membayar balik Kemudahan dengan penuh berserta dengan caj ganti rugi (jika ada) dan apa-apa bayaran lain yang perlu dibayar kepada Bank.

(v) Liabiliti kerana Kerugian

Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain di dalam ini dan kecuali bagi ganti rugi yang berbangkit secara langsung daripada kesilapan, pengabaian, salah nyataan atau kecuaiian melampau di pihak Bank, maka Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau ganti rugi kerana kemungkiran, pengabaian, kecuaiian, mungkir kontrak, kehilangan keuntungan atau pendapatan, nama baik atau apa-apa jenis kerugian khas, teladan, bersampingan, tak langsung atau berbangkit biar apa pun puncanya sama ada Bank telah diberitahu atau tidak akan hal yang sama. Sekiranya mahkamah berbidang kuasa kompeten mendapati Bank bertanggungjawab atas apa-apa ganti rugi dengan mengambil kira hal di atas, namun jumlah amaun keseluruhan liabiliti Bank tidak akan melebihi amaun prinsipal transaksi yang terlibat, yang menimbulkan tuntutan sebelum ini.

(w) Pertukaran atau Penggantian Kemudahan

Bank boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, atas permintaan Pelanggan, mengubah, menukar atau menggantikan Kemudahan atau salah satu di antaranya dengan Kemudahan lain atas terma dan syarat tertentu (disebut "**Terma-terma tersebut**") sepertimana dinyatakan dalam surat-surat tawaran Bank dan/atau apa-apa dokumen lain yang menetapkan terma-terma tertentu yang ditandatangani sewajarnya oleh Pelanggan sebagai tanda setuju terima, tanpa menjejaskan hak-hak Bank di bawah Surat Tawaran. Semua peruntukan dalam Surat Tawaran melainkan peruntukan-pertuntukan yang bercanggah dengan Terma-terma tersebut tidak terpakai kepada kemudahan yang ditukar atau diganti itu akan terus terpakai kepada kemudahan yang ditukar atau diganti, melainkan ditetapkan sebaliknya oleh Bank.

(x) Prabayaran Separa Amaun Kemudahan (jika berkenaan)

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Surat Tawaran dan prinsip Syariah, Pelanggan boleh membuat prabayaran separa bagi amaun Kemudahan dengan syarat-syarat berikut:

- (i) Bank seharusnya telah menerima daripada Pelanggan notis awal bertulis tidak kurang dari 3 bulan (“**Notis Prabayaran**”) akan niatnya untuk membuat prabayaran dengan menyebut amaun Kemudahan berkenaan yang hendak dibayar dan tarikh bayaran tersebut. Prabayaran yang diterima oleh Bank tanpa notis bertulis akan dikira sebagai Bayaran Pendahuluan;
 - (ii) apa-apa prabayaran oleh Pelanggan mestilah dalam amaun setara dengan sekurang-kurangnya 3 kali bayaran kena bayar. Bayaran apa-apa amaun yang kurang dari 3 kali bayaran kena bayar akan dianggap Bayaran Pendahuluan;
 - (iii) apa-apa amaun prabayar tidak akan didapati untuk guna semula kemudian;
 - (iv) pelanggan telah membayar penuh segala wang lain yang terhutang dan belum dibayar kepada Bank;
 - (v) amaun yang perlu dibayar oleh Pelanggan bagi prabayaran tersebut akan ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya selaras dengan prinsip Syariah;
 - (vi) apa-apa Notis Prabayaran yang sekali diberi tidak boleh dibatalkan dan Pelanggan mestilah membayar amaun itu sepertimana ditentukan oleh Bank pada tarikh yang dinyatakan dalam Notis Prabayaran tersebut;
 - (vii) Prabayaran hanya akan dibenarkan apabila Kemudahan telah dilepaskan dengan penuh.
 - (viii) Apa-apa prabayaran yang dibuat tidak melayakkan Pelanggan mendapat pengurangan amaun kena bayar tetapi hanya pengurangan bilangan kali bayaran yang kena bayar.
- (y) Penebusan Awal atau Penyelesaian Penuh

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Syariah, Pelanggan boleh membuat penyelesaian awal kepada Bank bagi semua bayaran kena bayar dan perlu dibayar dengan penuh, dengan syarat-syarat berikut:

- (i) Bank sepatutnya telah menerima notis awal bertulis daripada Pelanggan tidak kurang dari 3 bulan atau apa-apa tempoh lain (“**Notis Penyelesaian Awal**”) sepertimana ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa tentang niatnya hendak membuat penyelesaian awal dengan menyebut amaun yang perlu dibayar dan tarikh bayaran tersebut;
- (ii) Pelanggan telah membayar penuh semua wang lain yang perlu dibayar dan belum jelas di bawah Kemudahan;
- (iii) amaun kena bayar oleh Pelanggan bagi penyelesaian awal tersebut akan ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya selaras dengan prinsip-prinsip Syariah; dan

(iv) apa-apa Notis Penyelesaian Awal sekali diberi tidak boleh dibatalkan dan Pelanggan akan membayar amaun sepertimana ditentukan oleh Bank pada tarikh yang dinyatakan dalam Notis Penyelesaian Awal tersebut.

(z) Bayaran Pendahuluan

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Syariah, Pelanggan boleh menjelaskan bayaran kena bayar secara pendahuluan. Apa-apa bayaran yang diterima melebihi bayaran kena bayar pada tarikh bayaran matang akan dikira sebagai bayaran pendahuluan dan boleh dibuat tanpa perlu Pelanggan memberi apa-apa notis awal. Bayaran pendahuluan tidak boleh digunakan untuk mengurangkan amaun pembiayaan belum jelas sehingga bayaran kena bayar dan caj belum jelas kepada Bank telah dibayar dan keuntungan atau pendapatan tidak akan dibayar oleh Bank bagi sebarang bayaran pendahuluan yang diterima.

(aa) Kajian Semula Kemudahan

Bank berhak mengkaji semula pemberian dan/atau penyambungan Kemudahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa (tanpa mengira sama ada Kemudahan atau apa-apa bahagian Kemudahan itu telah digunakan atau dibayar atau tanpa mengira sama ada kemungkinan telah berlaku), termasuk tetapi tidak terhad kepada hal keadaan berikut:

- (i) jika berlaku perubahan undang-undang atau peraturan berkenaan sehingga menjadi mustahil atau salah di sisi undang-undang untuk Bank terus menyediakan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya kepada Pelanggan atau jika Pelanggan atau Pihak Cagaran (jika ada) akan terjejas oleh perubahan ketara dalam hal keadaan itu yang pada pendapat Bank memberi kesan negatif terhadap kemampuan Pelanggan dan/atau Pihak Cagaran untuk menunaikan obligasinya di bawah ini dan menurut Dokumen Cagaran lain; atau
- (ii) jika mana-mana representasi dan waranti Pelanggan/Pihak Cagaran (jika ada) pada bila-bila masa akan didapati tidak betul dari segi yang ketara; atau
- (iii) jika mana-mana syarat yang ditetapkan dalam Surat Tawaran ini dimungkirkan atau tidak dipenuhi sepertimana dikehendaki Bank;

dan setelah membuat kajian semula, maka Bank dengan memberi notis awal bertulis kepada Pelanggan, akan berhak menggunakan mana-mana hak dan kuasanya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, atau menamatkan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya, dan Pelanggan bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan/atau menjelaskan kepada Bank keterhutangan yang perlu diselesaikan dan belum jelas di bawah Kemudahan itu.

(bb) Cagaran Tambahan

Bank berhak, setelah memberi notis awal bertulis kepada Pelanggan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, menghendaki Pelanggan mengadakan cagaran dan/atau menyediakan cagaran tambahan yang boleh diterima oleh Bank dan/atau

mengganti cagaran yang sedia ada. Segala kos yang dikenakan bersabit dengannya akan ditanggung oleh Pelanggan.

(cc) Kemudahan Tambahan

Bank boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa atas budi bicaranya dan tanpa menjejaskan cagaran Bank, atas permohonan Pelanggan, memberi kemudahan tambahan mengikut terma dan syarat sepertimana dikenakan oleh Bank.

(dd) Pengelolaan Akaun

Bank berhak, setelah memberi notis awal bertulis kepada Pelanggan, menamatkan Kemudahan dan/atau menutup akaun Pelanggan (berlandaskan Syariah atau tidak) dengan Bank jika mana-mana akaun bank Pelanggan (berlandaskan Syariah atau tidak) dengan Bank tidak dikelolakan sebagaimana yang dikehendaki atau dengan mana-mana biro kredit sama ada ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM, mana-mana pihak berkuasa atau badan kerajaan atau kawal selia.

(ee) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLATFA”)

Adalah dipersetujui bahawa Pelanggan tidak pernah dan tidak akan:

- (i) terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang membabitkan hasil daripada apa-apa aktiviti yang salah di sisi undang-undang;
- (ii) memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindah, mengubah, menukar, membawa, melupus, mengguna, mengalih dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil daripada apa-apa aktiviti yang salah di sisi undang-undang; atau
- (iii) menyembunyi, menyamar atau menghalang pembuktian perihal sebenar, asal, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil daripada apa-apa aktiviti yang salah di sisi undang-undang.

Sekiranya Bank berpandangan bahawa apa-apa transaksi dalam Surat Tawaran ini berkemungkinan akan menimbulkan implikasi di bawah AMLATFA, maka Bank boleh atas budi bicaranya menamatkan Kemudahan dan mengambil apa-apa tindakan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada penutupan akaun Pelanggan dengan Bank tanpa memberi sebarang notis.

(ff) Cukai Perkhidmatan Kerajaan dan/atau Caj, Fi & Lain-lain menurut Statutori/Peraturan

- (i) Bagi tujuan fasal ini:

“**Cukai**” bermakna apa-apa cukai, levi, impos, duti, caj, fi Malaysia atau asing, langsung atau tak langsung, pada masa sekarang atau masa akan

datang, potongan atau penahanan apa jua pun, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Sesuai, termasuk apa-apa cukai penggunaan seperti cukai jualan dan perkhidmatan (“SST”) dan cukai-cukai lain biar apa pun namanya, dan apa-apa faedah, denda atau penalti berkenaan cukai tersebut.

“**Pihak Berkuasa Sesuai**” bermakna mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pencukaian.

- (ii) Fi, caj dan segala wang lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank di bawah Kemudahan dan/atau Dokumen Cagaran, termasuk apa-apa amaun sebagai pembayaran balik yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan kepada Bank, adalah tidak termasuk apa-apa Cukai, dan akan dijelaskan tanpa sebarang tolak-selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau kerana sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan.
- (iii) Jika Pelanggan dikehendaki undang-undang untuk membuat potongan atau penahanan daripada fi, caj dan/atau segala wang lain yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Kemudahan dan/atau Dokumen Cagaran bagi apa-apa Cukai atau sebaliknya, maka jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan yang berkenaannya potongan atau penahanan dikehendaki akan dinaikkan supaya fi/caj bersih dan/atau amaun bersih wang yang diterima oleh Bank adalah setara dengan apa yang sepatutnya diterima oleh Bank jika tiada potongan atau penahanan dikehendaki atau dibuat.
- (iv) Selain fi, caj dan segala wang lain yang perlu dibayar, Pelanggan akan membayar kepada Bank segala Cukai berkenaan pada kadar semasa berkenaan dan/atau apa-apa amaun sepertimana ditentukan oleh Bank untuk menampung sebarang bayaran Cukai/ liabiliti/ obligasi bersabit dengannya, tanpa sebarang tolak-selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau kerana apa-apa tuntutan balas atau apa-apa potongan atau penahanan, di samping apa-apa Cukai yang mungkin dikenakan di bawah sebarang undang-undang yang mana perlu dibayar oleh Pelanggan secara terus kepada Pihak Berkuasa Sesuai, dan sehubungan ini Pelanggan akan meremit terus kepada Pihak Berkuasa Sesuai.
- (v) Jika pada bila-bila masa suatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat antara Bank dengan Pihak Berkuasa Sesuai kerana sesuatu amaun yang dibayar sebagai Cukai susulan apa-apa bekalan yang dibuat atau dianggap telah dibuat atau apa-apa hal lain bersabit dengan Kemudahan dan/atau Dokumen Cagaran oleh Bank, maka pelarasan sepadan boleh atas budi bicara Bank dibuat antara Bank dengan Pelanggan. Sehubungan ini Pelanggan mestilah membuat apa-apa bayaran yang perlu untuk melaksanakan pelarasan itu.
- (vi) Semua Cukai yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank sebagaimana dinyatakan dalam Surat Tawaran ini mestilah dibayar mengikut tempoh masanya dan dengan cara sepertimana diminta oleh Bank.
- (vii) Pelanggan bersetuju untuk menyempurnakan apa-apa urusan yang semunasabahnya diminta oleh Bank untuk membantu Bank menunaikan obligasinya menurut undang-undang berkenaan yang di bawahnya apa-apa

Cukai dikenakan. Jika sesuatu Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut dikehendaki dikenakan atas transaksi yang dicadangkan dalam Surat Tawaran ini, maka Pelanggan bersetuju memberi kerjasama sepenuhnya kepada Bank untuk membantu Bank menunaikan obligasinya di bawah undang-undang berkenaan.

- (viii) Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa apa-apa jumlah wang kena bayar atau amaun yang akan digunakan untuk mengira jumlah wang kena bayar yang dinyatakan di mana-mana dalam Dokumen Permbiayaan dan/atau Cagaran telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak meliputi amaun yang akan ditokok di bawah fasal ini kerana Cukai.

(gg) Kebolehasingan

Jika sebarang peruntukan dalam Surat Tawaran menyalahi undang-undang, terbatal, tak sah, dilarang atau tak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua segi maka peruntukan yang sama akan menjadi tidak efektif setakat kesalahan undang-undang, terbatal, tak sah, dilarang atau tak boleh dikuatkuasakan tanpa menjadikan peruntukan yang selebihnya tidak sah. Peruntukan yang terlibat itu akan diganti dengan peruntukan sah yang memenuhi tujuan dan maksud peruntukan terlibat sejauh yang dibolehkan di sisi undang-undang.

(hh) Penyerahan Hak dan/atau Pindahan oleh Bank

Bank boleh pada bila-bila masa, melalui notis kepada Pelanggan, memindah, menjual, menyertai pasaran hutang sekunder atau menyerahkan hak kesemua atau mana-mana bahagian hak, manfaat dan obligasinya menurut Surat Tawaran dan/atau Dokumen Cagaran kepada mana-mana pihak lain. Bagi tujuan ini:

- (i) Bank boleh mendedahkan kepada bakal pemegang serah hak atau penerima pindahan atau mana-mana orang lain yang mungkin bercadang mengikat hubungan kontrak dengan Bank berkaitan dengan Kemudahan apa-apa maklumat mengenai Pelanggan yang difikirkan sesuai oleh Bank;
- (ii) jika Bank memindahkan obligasinya atau mana-mana bahagian obligasi itu, Pelanggan akan menyempurnakan dokumen-dokumen yang semunasabahnya perlu untuk melepaskan Bank setakat pindahan itu dan menyertai penerima pindahan sebagai suatu pihak kepadanya; dan
- (iii) pelanggan akan meneruskan untuk berurusan sepenuhnya dengan penerima pindahan mengenai soal bayaran, notis dan hal-hal lain berkaitan dengan urusan pentadbiran Surat Tawaran ini.

(ii) Penyerahan Hak oleh Pelanggan

Pelanggan tidak boleh menyerahkan hak, menovasi atau bermaksud untuk menyerahkan hak atau menovasi mana-mana haknya atau memindahkan mana-mana obligasinya di bawah Kemudahan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis Bank dan apa-apa penyerahan hak atau novasi itu tanpa persetujuan tersebut adalah batal dan tak sah.

(jj) Bebas Faedah

Pihak-pihak berkenaan bersetuju bahawa pembayaran atau penerimaan faedah atau apa-apa caj lain yang bersifat *riba* adalah ditegah menurut Syariah dan oleh sebab itu sejauh mana apa-apa sistem perundangan akan (jika tidak kerana peruntukan-peruntukan Fasal ini) mengenakan (sama ada melalui kontrak atau statut) apa-apa obligasi untuk membayar faedah, maka pihak-pihak itu secara tegas tanpa boleh batal dan tanpa syarat menepikan dan menolak sebarang kelayakan untuk saling mendapat kembali faedah.

(kk) Perubahan Undang-undang

(i) Jika Bank berpendapat adalah salah di sisi undang-undang untuk Bank mengekalkan atau menguatkuasakan obligasinya menurut Surat Tawaran ini, maka obligasi Bank untuk memberi Kemudahan akan ditamatkan, setelah terlebih dahulu memberi notis awal bertulis kepada Pelanggan, dan jika mana-mana bahagian Kemudahan telah digunakan maka Pelanggan mestilah apabila dituntut membayar kepada Bank apa-apa keterhutangan belum jelas dan apa-apa amaun lain yang perlu dibayar menurut Kemudahan.

(ii) Jika berlaku perubahan dalam mana-mana undang-undang berkenaan, peraturan atau keperluan rasmi atau dalam penafsiran atau pemakaiannya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, mahkamah, tribunal atau mana-mana pihak berkuasa lain yang ditugaskan menjalankan pentadbirannya (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) atau jika apa-apa perintah, penghakiman atau arahan akan mempunyai kesan menaikkan kos kepada Bank kerana membuat, mengekalkan atau mendanai Kemudahan atau mengurangkan amaun apa-apa bayaran terima atau belum terima oleh Bank:

(a) Bank akan menulis kepada Pelanggan untuk memaklumkan tentang hal keadaan itu dan walaupun ada diperuntukkan dalam Surat Tawaran ini;

(b) Tertakluk sentiasa kepada prinsip Syariah, Bank adalah berhak, tetapi tidak berkewajipan, atas budi bicaranya tetapi tertakluk kepada pemberitahuan awal bertulis kepada Pelanggan, menarik balik, membatalkan, menamatkan, memanggil balik atau menggantung Kemudahan atau mana-mana bahagian daripadanya, maka dengan itu Pelanggan mesti membayar kepada Bank apabila dituntut sejumlah amaun sebagai bayaran ganti rugi kepada Bank atas segala peningkatan kos atau pengurangan amaun terima/belum terima;

(c) Dalam hal keadaan ini, Pelanggan akan berhak setelah memberi notis awal bertulis 30 hari kepada Bank untuk membuat prabayaran bagi Kemudahan dan segala wang lain yang perlu dibayar di bawahnya dengan penuh berserta dengan amaun yang ditentukan oleh Bank, yang merupakan apa-apa kerugian yang dialami Bank akibat atau timbul daripada prabayaran tersebut, dan dengan prabayaran tersebut

Kemudahan itu akan dibatalkan.

Perakuan atau pengesahan Bank yang ditandatangani sewajarnya oleh mana-mana pegawainya buat masa ini berhubung dengan apa-apa amaun tambahan yang dibayar kepadanya menurut peruntukan ini, melainkan wujud kesilapan ketara, adalah muktamad dan akan mengikat Pelanggan.

(II) Aku Janji Pencegahan Suapan, Pencegahan Rasuah dan Pemberian Maklumat

- (a) Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Bank mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap sebarang bentuk suapan dan rasuah selari dengan Dasar ABC yang didukungnya.
- (b) Pelanggan dengan ini membuatakuan dan aku janji seperti berikut:-
 - (i) Pelanggan telah membaca dan memahami Dasar ABC;
 - (ii) Pelanggan hendaklah, dan perlu memastikan para pengarah, pegawai, pekerja dan wakil atau ejen sahnyanya, mematuhi Dasar ABC dan Undang-undang Pencegahan Suapan; dan
 - (iii) Memberitahu Bank tentang perbuatan tidak mematuhi atau cubaan tidak mematuhi Dasar ABC dan/atau Undang-undang Pencegahan Suapan oleh mana-mana pekerja Hong Leong Bank Group ("HLBG") (termasuk Hong Leong Islamic Bank Berhad) atau orang-orang yang mempunyai pertalian dengan HLBG dengan melaporkan hal yang sama menerusi Dasar Pemberian Maklumat HLB/HLISB.

22. **Surat Tawaran Lebih Utama**

Seandainya terdapat percanggahan antara terma-terma dalam Surat Tawaran dengan terma-terma dalam Dokumen Cagaran, sejauh mana boleh dilaksanakan dan jika konteksnya sesuai, maka terma-terma dalam Surat Tawaran adalah lebih utama.